

AKTA HASUTAN 1948

(AKTA 15)

IZIN DI BAWAH SEKSYEN 5

PENDAKWA RAYA

LAWAN

TERESA KOK SUH SIM (NO. KP: 640331-10-7482)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pendakwa Raya oleh seksyen 5 Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan terletak pada saya menurut seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), saya **DATO' MOHAMAD HANAFIAH BIN HAJI ZAKARIA**, Timbalan Pendakwa Raya, dengan ini memberi izin bagi pendakwaan terhadap **TERESA KOK SUH SIM (NO. KP: 640331-10-7482)** kerana melakukan kesalahan menerbitkan penerbitan menghasut, satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang dikatakan telah dilakukan pada 1 Februari 2014 jam lebih kurang 900 pagi di alamat 90-02-07, Apartmen Putra Ria Jalan Bangsar, dalam daerah Brickfields, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selanjutnya menurut seksyen 5 Akta Hasutan 1948 (Akta 15) saya menetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sebagai mahkamah perbicaraan.

Bertarikh pada ^{11/04} April 2014

(DATO' MOHAMAD HANAFIAH BIN HAJI ZAKARIA)

Timbalan Pendakwa Raya



PENDAKWA RAYA
LAWAN
TERESA KOK SUH SIM (NO. KP: 640331-10-7482)

PERTUDUHAN

Bahawa kamu pada 1 Februari 2014 jam lebih kurang 900 pagi di alamat 90-02-07, Apartmen Putra Ria Jalan Bangsar, dalam daerah Brickfields, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menerbitkan satu penerbitan menghasut satu klip video bertajuk "Teresa Kok "Onederful" Malaysia CNY 2014" yang mempunyai alamat di laman web <http://www.youtube.com/watch?v=JtsRcld70bk> yang mana transkrip terjemahan dalam Bahasa Malaysia klip video tersebut adalah seperti LAMPIRAN A dan ayat-ayat menghasut seperti yang digariskan; dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Penterjemahan -2100 HRS @ 8/2/2014 -0200 HRS @ 9/2/2014

TK (Teresa Kok)

BW (Brother Wai)

MJ (Mrs. Jit)

YY (Master Yen Yen)

FA (Penonton wanita A)


MA (Penonton Lelaki A)

FB (Penonton wanitaB)

TK Salam sejahtera para penonton, selamat menonton rancangan khas Tahun Kuda "Malaysia OneDerful (Malaysia Hebat)". Untuk makluman anda, Tahun Kuda ini memang hebat! Selain daripada bintang bertuah, bintang celaka dan bintang gosip yang ada setiap tahun, malah ada lagi bintang harga rumah (sebutan kantonis "bintang" sama dengan sebutan kantonis "naik"), bintang petrol (petrol naik), bintang bil elektrik dan air (bil elektrik dan air naik), tambah lagi bintang apa-apa pun (apa-apa pun naik) dan bintang wenang-wenang (naik sewenang-wenang), lalu jadi Tahun Satu Kuda (Sebutan sama dengan Tahun Satu Malaysia) yang amat jarang! Untuk rancangan ini kami berasa amat bangga bahawa dapat menjemput 3 tokoh yang berwibawa bersama kami dalam rancangan ini; untuk berkongsi dengan kita berkenaan nasib Tahun Satu Kuda ini. Pertama sekali memperkenalkan beliau yang bukan saja pandai lihat keadaan dan air muka, malah gemar menangis iaitu Datuk Wai... ah maaf, sepatutnya panggil Brother Wai.

BW Panggil saya Brother Wai saja, tak apa.

TK Kami juga dapat menjemput beliau yang amat berpengalaman berkenaan permata, fesyen dan perhiasan Feng Shui iaitu Mrs. Jit. Dan juga beliau yang amat


WONG MENG WAI
Interpreter
Sessions Court 1
Kuala Lumpur

Teresa Kok _Onederful_ Malaysia CNY 2014 Video Clip (Versi Bahasa Malaysia)

berpengetahuan dan mengkaji tentang perhubungan, perhiasan rumah dan perlancongan iaitu Master Yen Yen.

Suara latar Senangnya tak ada pegang jawatan!

TK Nah, kami tahu bahawa rakyat mengadu pasal duit tak cukup, apakah pandangan para guru?

YY Kamu kena bangun, kamu kena dengar cakap saya! Kenapa nilai Ringgit Malaysia susut? Matawang Malaysia Matawang Malaysia (sebutan "matawang" sama dengan sebutan "rugi"), tak rugi pun kena cakap sampai rugilah! Patutnya panggil Ringgit Ringgit, bunyi Ring Ring.

MJ Ring Ring Ring, saya cinta pada Ring. Tapi, sebenarnya Negara kita sangat baik, tapi sekarang bukan senang nak carikan duit untuk menyara keluarga, jadi kami sebagai isteri kena berjimat, kalau suami kamu beri kamu RM 100 untuk beli sayur di pasar, kamu kena pakai RM 30 saja untuk beli sayur. RM 70 lagi itu kamu kena jimatkan dalam poket kamu haha. Jadi jimat jimat, lama-lama jadi...

YY & BW Bukit!

MJ Kena kreatif sikitlah. Jadi permata! Feng Shui ini kata, permata ini semakin banyak kamu pakai, semakin baik nasib kamu bertambah, semakin besar karat kamu, kekayaan kamu akan bertambah lagi lagi lagi hahaha.

TK Nah, kalau nak melancong, kena pergi mana? Dan apakah yang patut diberi perhatian?

YY Pasal ini kamu kena dengar cakap saya, kan Perlancongan Satu Malaysia? Mana kita kena pergi? Mestilah datang ke Malaysia! Kamu tahu tak? Ia baru terpilih sebagai Negara yang ke-6 paling bahaya di seluruh dunia, dan ia juga merupakan satu-satunya Negara di Asia yang terpilih!

WONG MENG WAI
Interpreter
Sessions Court
Kuala Lumpur

BW Kalau melancong pada tahun ini kena tuju ke arah Utara dan Selatan, kalau nak melancong kena menuju ke lebuh raya (Sebutan cina "lebuhraya" sama dengan sebutan "lanun") yang berlainan, terutamanya Lebuh raya Utara-Selatan, kamu kena tinggalkan duit tol, maka ia akan menjamin keselamatan kamu semasa melancong.

YY Kalau tidak kamu boleh pergi tengok-tengok di Jonker Street! Tapi kena pergi cepat, tak lama lagi ia akan menjadi tiada. Kalau tidak kamu juga boleh tengok-tengok di Sabah, Malaysia Timur, di sana ada lanun laut, ada penculikan, dan juga senapang mesin, da... da... da... da... persembahan secara langsung, sangat menarik tahu? Kalau tidak boleh juga pergi Johor untuk tengok lukisan mural di Johor, yang Jumpa Encik Perompak Di Selekoh itu, itu bagus tahu?

BW Itu sudah tiada, sudah tiada.

YY Itu pasallah, kena pergi awal, tengoklah sekarang, sayangnya...

TK Nah, keselamatan sekarang bukan begitu baik, saya percaya bahawa penonton-
penonton kita berminat nak tahu bagaimana untuk menjamin keselamatan diri?

YY Wai.

BW Ah, tahun ini pantang berjalan-jalan, jadi kalau tak ada apa-apa janganlah berjalan-
jalan, tapi kalau betul-betul nak berjalan-jalan juga kamu janganlah pakai pakaian
yang terlalu bersih, pasal warna pula, banyakkann pakai pakaian warna merah, dan
janganlah pakai baju kuning dan seluar kuning, sebab apa-apa yang berkaitan
dengan warna kuning akan terlibat dengan dibawa ke mahkamah. Lebih serius lagi
mungkin juga menyebabkan kecederaan.

YY Tahun ini kamu memang sangat bernasib baiklah! Untuk rakan-rakan yang buka kedai dan berniaga, saya syorkan khas untuk anda satu maskot bertuah yang dapat menangkis kecelakaan, iaitu pintu gril besi! Dengan adanya pintu gril besi ini, saya

bagi tahu kamu, kamu tak payah risau pasal Ah Long lah, ahli kongsi gelap lah, perompak lah, semua pun tiada masalah! Tak ada masalah...

MJ Saudari-saudari sekalian, kamu mesti kena pergi belikan satu beg berjenama, lagi berjenama, lagi mahal, lagi besar beg ini lagi baguslah! Kalau ada yang pakai parang hendak potong begini, pasal beg berjenama ini dibuat daripada kulitkan? Jadi ia boleh menyelamatkan nyawa kamu, jadi saya suka beli banyak beg-beg berjenama, sebab untuk tujuan perlindungan sendiri.

BW Saya dah silap tuduh kamu.

MJ Tak apa.

TK Jadi kalau mahu budak-budak jadi pandai belajar dan dapat keputusan yang baik, adakah apa-apa nasihat?

BW Tahun ini dengan adanya bintang pengetahuan yang amat makmur, dan juga sebab diterangi oleh Tahun Satu Kuda, rakan-rakan yang belajar memang akan bernasib baiklah, tak payah peduli pasal pendidikan Bahasa Cina, pendidikan Bahasa Tamil. Satu Malaysia, Satu Bahasa!

TK Tapi kononnya paras pendidikan kita, terutamanya universiti telah menunjukkan penurunan yang amat ketara berbanding dengan tahun-tahun lalu.

YY Saya bagi tahu kamu, universiti di Malaysia sangat bagus tahu? Kamu tengoktanah Malaysia yang bertuah ini, tiap-tiap pelajar pun begitu tinggi dan tegap, nama pun ada tahu? Tinggi bagai lembu, besar bagai kuda! Tambah lagi, sekolah kami berada pada tangga ke-167 di dalam seluruh dunia, ini apa? Ini apa?

YY& MJ & BW Malaysia Boleh!

TK Saudari ini.

FA Kalau budak-budak nakal dan tak nak ikut cakap, apakah tips yang boleh diberikan?

WONG MENG WAI
Interpreter
Sessions Court
Kuala Lumpur

- MJ Ini biar saya yang jawab, pasal budak-budak, kalau mereka sangat jahat, kejap nak berjalan-jalanlah, kejap nak kamu turunlah, tak apa, sebab hal begini hanya akan berlaku sekali dalam 5 tahun. Bila ia berlaku, kamu beri dia sedikit gula-gula, lepas dia makan dan rasa manis, hahaha dia akan jadi diam-diamlah. Kalau dia masih tidak diam-diam lagi, ini lagi senang, kita boleh pergi ke Gangnam dan carikan Mak Cik Gangnam balik sinilah... jadi ia boleh diselesaikan haha.
- BW Juga boleh baca mantera ini untuk tunjukkan kehebatan kepada dia, kena stabil, jangan lembik, kena stabil, jangan lembik, kena stabil, jangan lembik, kena stabil, jangan lembik...
- MJ Diamlah!
- TK Bagi rakan-rakan yang makan gaji dalam perniagaan atau yang jadi majikan, adakah apa-apa yang perlu diberi perhatian pasal pelaburan atau pasal kewangan tahun ini?
- YY Ha, ini soalan yang sangat bagus, kamu kena dengar cakap saya! Rakan-rakan yang mahu melabur tahun ini, jangan melabur dalam hartanah tempatan. Saya sudah buat tilikan, tahun ini bintang bertuah berada di arah Barat Laut. Kamu boleh cuba pergi tengok di Manhattan, New York, Feng Shui rumah di sana sangat bagus, dan juga sangat murah. Apartmen dengan 7 bilik hanya dijual dengan harga 100 juta saja, sangat murah!
- MJ Saya juga sudah belikan beberapa buah kepada anak saya.
- YY Pilihan baik!
- TK Penonton ini.
- MA Dalam Tahun Kuda ini, kalau kami ingin buat jual-beli, tapi tak cukup modal, adakah apa-apa yang boleh kita buat?
- MJ Tak ada modal tapi hendak buat perniagaan?

YY & MJ & BW

Jual Cina!

WONG MENG WAI
Interpreter
Sessions Court
Kuala Lumpur

- TK Jual Cina?Jual macam mana?
- BW Nak jual cina, kena masuk persatuan. Persatuan Jual Cina, yuran persatuan RM 25, lepas masuk persatuan bolehlah jadi "anak-anak belot" .
- YY Jadi "anak-anak belot", kamu pasti dapat naik pangkat dan dapat kekayaan, jadi tak payah bersusah payahlah.
- MJ Modal kecil, tak ada risiko, pulangan tinggi, buat apa lagi kalau tak jual cina?
- TK Ah, penonton ini, kamu ada apa soalan?
- FB Berkenaan dengan rakan-rakan yang bujang atau telah berkahwin, perhubungan mereka tahun ini macam mana?
- MJ Hahahaha, ini biar saya yang jawab, cakap pasal perhubungan, saya bagi tahu kamu, kena letak satu kuda besar di tempat yang mudah dilihat di tempat berpancaran, tempat perkahwinan dan dalam bilik kamu, kuda ini jangan pakai kuda emas, juga jangan pakai kuda kayu, kuda ini kena pakai kuda yang kunci pakai skru.
- YY & BW Oh, Kuda skru (Lo-Si-Ma)(Sebutan cina "skru" adalah "Lo-Si" dan "kuda" adalah "Ma")....
- MJ Lepas kuncikan Kuda skru ini perhubungan akanmenjadi baik, kamu tengoklah suami saya begitu sayangkan saya kamu tahulah...
- YY Dan juga kena ingat pakai baju tidur yang cantik-cantik, dan juga adakan suasana yang romantik, tambah lagi baju-baju yang sangat cantik...(penonton-penonton telah membaling objek ke arah 3 orang panel)... aiya dengar cakap saya...
- TK Para hadirin sekalian, masa rancangan kami telah habis, saya ucapkan banyak terima kasih kepada para tetamu yang sudi mengambil masa dan hadir ke rancangan ini.
- MJ Biarlah kamu!
- YY Kamu kena bangun, kamu kena dengar cakap saya! Ya... Ya...

Teresa Kok _Onederful_ Malaysia CNY 2014 Video Clip (Versi Bahasa Malaysia)

BW Kena stabil, jangan lembik... kena stabil, jangan lembik... kena stabil, jangan lembik...
kena stabil, jangan lembik...

MJ Kamu diamlah!

TK Dalam tahun baru ini, saya Teresa Kok akan lebih berhasrat, lebih berusaha untuk bersuara dan bekerja untuk rakyat! Saya sedia untuk memerangi semua yang tidak demokratik, tidak adil dan tidak tulus!

MJ Saya, Mrs. Jit ucapkan bahawa semua orang dapat carikan banyak Ringgit dalam Tahun Kuda ini!

YY Dengar cakap saya, rakan-rakan yang makan gaji dapat naik gaji, dapat naik pangkat dan dapat kaya cepat, huat ar!

BW Rakan-rakan yang berpancaran, jangan tunggu lagi, kena cepat berkahwin!

All Dalam Tahun Kuda ini, kami ucapkan Malaysia Hebat!

YY Betul cakap Brother Wai, saya tak faham, kenapa saya cakap dalam kantonis? Saya kata tak apa...

BW Yang tinggal di kondominium dan di apartmen, jangan pakai balkoni itu saja unuk sidaikan baju, kena pakai untuk tanam sayur, tanam tauehlah paling sesuai!

MJ Aku sumpah, aku tak bohong... Saya Lo-Si-Ma... ucapkan akan sentiasa di depan dalam Tahun Kuda ini.

Ng Sze Han(ADUN Kinrara): Kepada warga tua, sihat badan bagaikan kuda yang terlepas tali kekang, dan seperti beribu-ribu askar dan kuda.

Loh Chee Heng(ADUN Teluk Datuk): Kepada para pelajar, belajar bersungguh-sungguh dan buat kerja rumah dan jangan sambil lewa.

Tiew Way Keng(ADUN Taman Teratai): Keputusan sentiasa berada di atas.

Teresa Kok _Onederful_ Malaysia CNY 2014 Video Clip (Versi Bahasa Malaysia)

Ng Sze Han (ADUN Kinrara): Dalam Tahun Kuda ini... Malaysia Hebat!

..... Video Tamat

Nota:

*Semua terjemahan berdasarkan kepada apa yang didengar dalam perbualan video klip ini.
Semua ayat yang terkandung dalam kurungan adalah untuk tujuan rujukan sahaja.*


WONG MENG WAI
, Interpreter
Sessions Court
Kuala Lumpur